



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	22/6/2011



NAJIB menyampaikan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat kepada Dr Mahathir sambil diperhatikan Raja Nong Chik dan Ahmad Fuad, di Kuala Lumpur, malam tadi.

Dr M dianugerah Pencapaian Sepanjang Hayat

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam dinobatkan sebagai penerima pertama Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat pada edisi sulung Kuala Lumpur Mayor's Tourism Award 2011.

Pemilihan Dr Mahathir itu berdasarkan sumbangan beliau dalam industri pelancongan Kuala Lumpur selama lebih tiga dekad termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Litar F1 Antarabangsa Sepang, Menara Kuala Lumpur dan ikon terkemuka negara, Menara Berkembar PETRONAS.

Beliau menerima trofi yang direka khas pakar kreatif di Paris dan Geneva.

Anugerah disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak

yang juga tetamu kehormat pada majlis berprestij itu.

Kuala Lumpur Mayor's Tourism Award menyampaikan 32 anugerah merangkumi sembilan kategori yang diperkenalkan untuk mengenal pasti dan mengiktiraf sumbangan diberikan organisasi dan individu dalam pembangunan industri pelancongan Kuala Lumpur.

Sembilan kategori yang dihakimi adalah penginapan, restoran, tarikan pelancong, tumpuan malam, pusat beli-belah, pengusaha agensi pelancongan, pengendali barisan hadapan.

Dr Mahathir dalam ucapannya sebaik menerima anugerah itu, berkata tidak dinafikan perubahan besar dilalui Kuala Lumpur sejak beliau menjejakkan kaki ke banda-

raya ini pada 1940 dan menetap di Kampung Baru.

"Apabila Sultan Selangor setuju menjadikan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan, ketika itu saya tidak yakin ia akan berkembang, tetapi realitinya kini pembangunannya melimpah ke seluruh Lembah Klang dengan populasi menecah enam juta... mungkin lebih daripada penduduk Singapura," katanya di sini, malam tadi.

Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Ng Yen Yen dan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.